

Mahasiswa UPM kena samun

KOTA BHARU: Seorang mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) terpaksa menyerahkan wang tunai RM160, kamera dan seutas jam tangan selepas dia diacukan pisau pemotong daging oleh dua lelaki, di Pasir Pekan, dekat Tumpat.

Mangsa dikatakan terpaksa bertindak demikian kerana bimbang dicederakan dua lelaki terbabit yang tiba-tiba menahannya di Jalan Pasir Pekan Hilir, kira-kira jam 4.30 petang, 28 Disember lalu.

Bagaimanapun, mangsa yang ketika itu dalam keadaan takut, dikatakan sempat mencatat nombor pendaftaran motosikal dua lelaki terbabit sebelum melaporkan kejadian kepada polis.

Harian Metro difahamkan, sebelum kejadian mangsa yang berusia 22 tahun menunggang motosikal seorang diri di jalan berkenaan untuk pulang ke rumahnya di Kampung Palekbang, dekat Tumpat.

Ketika berada di kawasan yang agak sunyi, dua lelaki tidak dikenali itu yang membongceng motosikal dikatakan mengekor sebelum menahan motosikal mangsa.

Salah seorang daripada lelaki terbabit dikatakan mengeluarkan sebilah pisau pemotong daging lalu mengacukan ke arah mangsa sebelum merampas wang berkenaan, seutas jam tangan, kamera dan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

Mangsa membuat aduan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Kota Bharu, pada malam kejadian dan kes berkenaan kemudian dipindahkan ke IPPD Tumpat, beberapa jam selepas itu.

Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendant Muhd Fuad Talib ketika dihubungi di pejabatnya, semalam mengesahkan menerima laporan kejadian itu berdasarkan aduan mangsa.